



MINGGU KETIGA

PENGENALAN HAJI DAN UMRAH

3

TALBIAH

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ

هميامو داتغ مياهورت فثكيلنمو، يالله، هميامو داتغ مياهورت فثكيلنمو.

لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ

هميامو داتغ مياهورت فثكيلنمو، تيدق اد سكوتو باكيمو، هميامو داتغ مياهورت فثكيلنمو.

إِنَّ الْحَمْدَ

سستفكوهن سكل فوجين.

وَالنَّعْمَةَ

دان نعمت.

لَكَ وَالْمُلْكَ

دان فمرتاهن اداله كفويأتمو.

لَا شَرِيكَ لَكَ

تيدق اد سكوتو باكيمو.

PENGERTIAN HAJI DAN UMRAH

PENGERTIAN HAJI



Haji ialah Mengunjungi Baitullah Al-Haram (Kaabah) Di Makkah **Pada Bulan-bulan Haji** Untuk Mengerjakan Ibadat–ibadat Tertentu Menurut Syarat-syaratnya

PENGERTIAN UMRAH



Umrah ialah Mengunjungi Baitullah Al-Haram (Kaabah) Di Makkah **Pada Bila-bila Masa** Untuk Mengerjakan Ibadat Tertentu Menurut Syarat-syaratnya

SEJARAH RINGKAS HAJI

Sejarah Haji Di Bawah Syariat Rasulullah S.A.W

- ❖ **Haji Telah Diwajibkan Pada Tahun Ke-5 Hijrah**
- ❖ **Pada Tahun Ke-6 Hijrah, Rasulullah S.A.W Mengerjakan Umrah Dengan Disertai Oleh 1500 Orang Para Sahabat Namun Demikian Rombongan Ini Tertahan Di Hudaibiyah.**
- ❖ **Pada Tahun Ke-7 Hijrah, Mereka Membuat Umrah Qada'**
- ❖ **Pada Tahun Ke 10 Hijrah, Rasulullah S.A.W Telah Mengisytiharkan Untuk Menunaikan Fardhu Haji.**
- ❖ **Pada 25 Zulkaedah Tahun 10 Hijrah, Rasulullah S.A.W Dengan Istri-isteri Baginda Telah Memulakan Perjalanan Dan Diikuti Oleh 120,000 Orang Para Sahabat.**
- ❖ **Haji Tersebut Dikenali Sebagai Haji Islam, Haji Akbar, Haji Wada'**

DALIL WAJIB HAJI

ولله على الناس حج البيت من استطاع إليه سبيلا ومن كفر فإن الله غني عن العالمين

Maksudnya:

“Dan Allah S.W.T mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi baitullah, yaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepada-Nya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar untuk ibadat haji) maka sesungguhnya Allah S.W.T maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun) dari sekalian makhluk”.

Surah Ali Imran : Ayat 97

وأتموا الحج والعمرة لله

Maksudnya:

“Dan tunaikanlah haji dan umrah kerana Allah S.W.T”.

Surah Al-baqarah : Ayat 196

HAJI ADALAH JIHAD

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ، قُلْتُ يَا رَسُولَ
اللَّهِ نَرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ أَمْ لَا نُجَاهِدُ. فَقَالَ:
لَكُنْ أَفْضَلَ الْجِهَادِ حَجٌّ مَبْرُورٌ.

(رواه البخاري)

Maksudnya :

“Daripada Aishah r.a berkata ia kepada Rasulullah S.A.W bahwa kami percaya bahawa jihad itu adalah amalan yang paling utama, mengapa kami tidak berjihad, maka sabda Rasulullah S.A.W bagi kamu sebaik-baik jihad itulah haji mabrur. ” - (Diriwayatkan oleh al-Bukhary)

KELEBIHAN HAJI DAN UMRAH

1. Mendapat Status “Tetamu Allah S.W.T”

2. Mendapat Ganjaran Yang Besar

3. Selamat Daripada Kecelakaan Seksaan Sebagai Yahudi Dan Nasrani

4. Mendapat Syafaat Di Dalam Doa Keampunan Rasulullah S.A.W

5. Bersih Seperti Bayi Yang Baru Dilahirkan

6. Antara Jihad Yang Paling Utama

7. Haji Yang Mabzur Tiada Balasan Melainkan Syurga

MANFAAT DUNIAWI

- 1. Pertemuan Orang Islam Seluruh Dunia**
- 2. Kepentingan Perniagaan Dan Ekonomi**
- 3. Menunjukkan Persamaan Di Kalangan Orang Islam**

MANFAAT UKHRAWI

- 1. Kem Latihan Penumpuan Kepada Ibadat**
- 2. Kem Latihan Membentuk Keperibadian Muslim**
- 3. Latihan Supaya Bersedia Untuk Meninggalkan Alam Dunia**
- 4. Mendapat Ganjaran Pahala Melihat Kaabah**
- 5. Melatih Diri Supaya Mengikhlaskan Amalan Hanya Kerana Allah S.W.T**
- 6. Mendapat Pujian Allah S.W.T Di Hadapan Malaikat**
- 7. Mendapat Haji Mabror**

PENGERTIAN HAJI MABRUR

Haji Mabror : Haji Istimewa Dan Balasannya ialah Syurga

Haji Mardud : Haji Yang Ditolak Dan Tidak Diterima

Sabda Rasulullah S.A.W: -

“Haji Mabror Itu, Tidak Ada Balasan Baginya Melainkan Syurga”

Hadis Riwayat Bukhary Dan Muslim

TINGKATAN IBADAT HAJI

HAJI *MABRUR*

Ini Haji Yang Paling Tinggi Dan Istimewa, Diampun Segala DOSANYA, Mengekalkan Ibadat Hingga Akhir Hayat Dan Dijamin Masuk Syurga

HAJI *MAKHSUS*

Haji Yang Sah Dan Diampunkan Segala Dosa-dosanya

HAJI *MAQBUL*

HAJI Diterima

HAJI *MARDUD*

Haji Yang Tidak Diterima Kerana Kekurangan Syarat – Syarat Dan Rukunnya Atau Sebab – Sebab Yang Lain

PANDUAN MENDAPAT HAJI MABRUR

SEBELUM MENUNAIKAN HAJI

Niat ikhlas kerana Allah S.W.T

Mempersiapkan diri dengan ilmu manasik haji dan wang secukupnya dari sumber yang halal dan mengeluarkan zakat

Melakukan Rukun Islam dengan sempurna

SEMASA MENUNAIKAN HAJI

Menyempurnakan rukun dan wajib haji dengan betul

Membayar dam yang berkaitan dan tinggal larangan ihram

Tidak melakukan sifat *mazmumah*, keji, *fusuq*, *jidal*, *rafath*

SELEPAS MENUNAIKAN HAJI

Menjauhkan diri dari dosa dan perkara mungkar

Membanyakkan amal soleh untuk meningkatkan iman dan ketakwaan

Memperbaiki diri ke arah yang lebih sempurna dari segi akhlak dan kelakuan secara berterusan

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا
وَسَعْيًا مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَنْ تَبُورَ

YA ALLAH, YA TUHAN KAMI KURNIAKANLAH HAJI YANG MABRUR DAN AMPUNKANLAH DOSA-DOSA HAMBA DAN PEKERJAAN HAJI YANG DIPUJI, AMALAN SOLEH YANG DITERIMA DAN PERNIAGAAN YANG TIDAK MERUGIKAN

SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH

ISLAM

Tidak Wajib Bagi Yang Bukan Islam

BALIGH

Tidak Wajib Bagi Yang Belum Baligh

BERAKAL

Tidak Wajib Bagi Yang Tidak Siuman

MERDEKA

Tidak Wajib Ke Atas Hamba

BERKUASA

Tidak Wajib Ke Atas Mereka Yang Tidak Mampu

BERKUASA

DENGAN SENDIRI

1

Ada Tambang
Pergi/Balik

2

Ada Bekalan/Nafkah

3

Ada Kenderaan
Pergi/Balik

4

Aman Dalam
Perjalanan
Pergi/Balik

5

Sihat Tubuh
Badan

6

Berkesempatan
Masa

DENGAN PERTOLONGAN ORANG LAIN (BADAL HAJI)

1

Uzur Tidak Dapat
Mengerjakan Sendiri

2

Atau Sakit Yang Tiada
Harapan Sembuh

3

Atau Terlalu Tua

4

Atau Yang Telah
Meninggal Dunia Yang
Berupaya Semasa
Hayatnya

1


Dengan Izin Suami/Wali

2

Ditemani Oleh Suami /
Mahram/Perempuan
Yang Dipercayai (*Thiqah*)

SYARAT
TAMBAHAN
BAGI
PEREMPUAN

MAHRAM BAGI SEORANG PEREMPUAN



* Anak / cucu tiri lelaki yang bapa / datuknya telah dukhul dengan perempuan tersebut.

** Secara dasarnya, terdapat 25 orang mahram bagi seseorang perempuan (5 generasi).

(P) Penghubung antara perempuan tersebut dengan mahram berikutnya.

PERBEZAAN ANTARA RUKUN HAJI DAN UMRAH

Rukun Haji

- 1 Niat Ihram Haji
- 2 Wuquf
- 3 Tawaf
- 4 Sa'ie
- 5 Bergunting/Bercukur
- 6 Tertib Pada Kebanyakan Rukun

Rukun Umrah

- 1 Niat Ihram Umrah
- 2 Tawaf
- 3 Sa'ie
- 4 Bergunting/Bercukur
- 5 Tertib Pada Semua Rukun

PERBEZAAN ANTARA WAJIB HAJI DAN UMRAH

Wajib Haji

1 Niat Ihram Di Miqat

2 Meninggalkan Perkara Larangan Dalam Ihram

3 Mabit Di Muzdalifah

4 Melontar Jamrah Kubra Pada 10 Zulhijjah

5 Mabit Di Mina Pada Hari-hari Tasyriq (11, 12, Dan 13 Zul)

6 Melontar Ke Tiga-tiga Jamrah Pada Hari-hari Tasyrik (11, 12, Dan 13 Zul)

Wajib Umrah

1 Niat Ihram Di Miqat

2 Meninggalkan Perkara Larangan Dalam Ihram

3 Tiada

4 Tiada

5 Tiada

6 Tiada

PELBAGAI CARA

PERJALANAN HAJI

YANG BOLEH DILAKSANAKAN



CARA 1


Cara biasa yang dilaksanakan oleh Jemaah Haji Muasasah





CARA 2

Cara yang dilaksanakan oleh Jemaah Haji Pakej / Bekeperluan





CARA 3

Cara yang dilaksanakan
oleh Jemaah Haji Pakej /
Bekeperluan

NIAT

WUQUF
9 Zulhijjah

TAWAF
Tgh mlm 10
Zulhijjah

Bermalam di
Muzdalifah
Tgh mlm 10
Zulhijjah

**BERGUNTING/
BERCUKUR**
Terhasillah
Tahallul Awwal

SA'IE

Melontar
Jamrah Kubra
(Aqabah)
10 Zulhijjah
Tahallul Thani

Bermalam
di Mina
11, 12, 13 Zulhijjah


Melontar
ke tiga-tiga
Jamrah
11, 12, 13 Zulhijjah





CARA 4

Cara yang dilaksanakan
oleh Jemaah Haji
Muasasah/Bekeperluan



WASSALAM

Semoga semua bakal jemaah haji yang dikasihi diberikan oleh Allah S.W.T kesabaran dan ketenangan serta didoakan mendapat sebaik-baik ganjaran

**HAJI YANG MABRUR
DAN UMRAH YANG
MAQBUL**

